

Laksana strategi optimum atasi ketirisan cukai, tingkatkan hasil

● Kerajaan perlu memastikan sistem percukaian dirancang mampu mengumpul hasil mencukupi untuk menampung perbelanjaan semakin meningkat, menyediakan infrastruktur berkualiti kepada rakyat

● Pelaksanaan sistem percukaian adil, cekap memainkan peranan penting memastikan kesinambungan kutipan hasil untuk memacu pembangunan negara, mengekalkan kuasa beli dan tahap kehidupan rakyat



Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Bank, Universiti Utara Malaysia

Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrenncana@bh.com.my

Sejak Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) meningkat daripada 6.0 peratus kepada 8.0 peratus, perbincangan mengenai rejim cukai penggunaan mana paling sesuai dilaksanakan kerajaan, terus diperdebatkan.

Malaysia pernah satu ketika melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dengan kadar 6.0 peratus pada 2015, namun dimansuhkan pada 2018 apabila berlaku peralihan kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Situasi ini memberi isyarat betapa kuatnya suara rakyat dalam menentukan hala tuju kerajaan. Namun begitu rakyat masih kurang memahami konsep cukai dan peranan cukai terhadap pembangunan negara.

SST adalah cukai peringkat tunggal hanya dikenakan ke atas jualan barangan dan perkhidmatan kepada pengguna akhir. Asas SST ringkas dan mudah diurus.

Cukai dikenakan hanya pada peringkat akhir jualan, memudahkan pentadbiran berbanding GST. Kos pematuhan SST juga rendah kerana perniagaan tidak perlu menyelenggarakan akaun SST terperinci seperti GST.

SST juga tiada kesan aliran tunai kerana perniagaan tidak perlu membayar cukai terlebih dahulu dan menuntut rebat kemudian.

Namun begitu SST mempunyai beberapa kelemahan antaranya asas cukai sempit kerana hanya mengenakan cukai ke atas jualan barangan dan perkhidmatan kepada pengguna akhir, tidak termasuk urusan niaga perniagaan dengan perniagaan.

Wujud risiko cukai berganda. Ini berlaku apabila tiada rebat cukai input di bawah SST, menyebabkan cukai terkumpul di sepanjang rantaian bekalan.

SST beri kesan lebih besar

SST lebih bersifat regresif, meningkatkan harga barangan bersefua, memberi kesan lebih besar kepada kumpulan berpendapatan rendah.

Sebaliknya, GST mengenakan cukai ke atas semua peringkat dalam rantaian bekalan barangan dan perkhidmatan. Ia mempunyai asas cukai lebih luas dan holistik. Inilah kelebihan GST.

Inilah faktor utama menjadikan GST lebih produktif dari segi kutipan hasil berbanding SST. GST dapat mengelakkan cukai berganda, menyediakan rebat cukai input kepada perniagaan, mengelakkan pengumpulan cukai melalui rantaian bekalan.

Ia mengamalkan konsep penguatkuasaan sendiri, memandangkan cukai dibayar ke atas input boleh dituntut semula, mewujudkan insentif untuk pematuhan perniagaan.

Namun kelemahan GST adalah membebaskan kumpulan berpendapatan rendah apabila mereka terpaksa membayar peratusan lebih tinggi daripada pendapatan mereka.

Disamping itu GST membabitkan kos pematuhan tinggi kepada peniaga kerana mereka perlu menyelenggarakan akaun GST dan mengemukakan pulangan berkala, boleh menjadi beban pentadbiran. GST juga memberi kesan aliran tunai kepada peniaga apabila mereka perlu membayar GST ke atas jualan terlebih dahulu dan menuntut rebat input kemudian, memberi kesan kepada aliran tunai.

Melalui konsep 'rebat cukai input', GST mengelakkan cukai berganda dengan meneutralkan cukai dikenakan dalam setiap peringkat rantaian bekalan. Ini menyokong kecekapan dalam aliran barangan dan perkhidmatan.

SST bagaimanapun, berisiko mengakibatkan 'pengumpulan cukai' atau cukai berganda kerana tiada rebat cukai input disediakan. Kos ini akhirnya dibebankan kepada pengguna akhir melalui peningkatan harga barangan dan perkhidmatan.

Dari segi pentadbiran, SST dilihat lebih mudah diuruskan kerajaan dan perniagaan kerana cukai dikenakan hanya pada peringkat akhir jualan. Kos pematuhan bagi perniagaan juga lebih rendah berbanding GST.

Bagaimanapun, GST dianggap lebih adil dan saksama kerana cukainya dikenakan secara meluas terhadap semua barangan dan perkhidmatan.

GST umumnya lebih digemari kebanyakan ekonomi maju kerana keupayaannya mengumpul hasil cukai lebih tinggi bagi membiayai perbelanjaan awam dan pembangunan infrastruktur.

Ia membantu mengukuhkan kedudukan fiskal negara dan memacu pertumbuhan ekonomi. Di Malaysia umpamanya, pada tahun pertama pelaksanaan GST, negara berupaya mengutip sejumlah RM27 bilion pada 2015, meningkat kepada RM41 bilion pada 2016.

Peningkatan hasil negara hampir 156 peratus pada 2016 berbanding pada 2014 ketika SST. Pada 2022, kutipan cukai SST hanya berjumlah RM31 bilion, lebih rendah berbanding kutipan GST bernilai RM44 bilion pada 2017.

Namun, persoalan berbilang iaitu terdapat banyak ketirisan dalam hasil cukai dan di manakah ketirisan hasil cukai sepatutnya dipungut negara dalam sistem SST.

Kerajaan sepatutnya memberi lebih perhatian kepada ketirisan hasil cukai dan bukan memperke-

nalkan cukai baharu yang membebaskan rakyat.

Ketirisan cukai berlaku dalam sistem perniagaan, yang mana peniaga akan menjadi lebih kaya, manakala cukai baharu membebaskan pengguna walaupun mereka kaya.

Perlu pastikan sistem cukai yang adil dan berkesan

Kerajaan perlu memastikan sistem percukaian dirancang mampu mengumpul hasil mencukupi untuk menampung perbelanjaan semakin meningkat, khususnya menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam berkualiti kepada rakyat.

Secara umum, hasil cukai meliputi tiga bahagian iaitu cukai langsung (cukai pendapatan dan korporat), cukai tidak langsung (GST atau SST) dan hasil bukan cukai.

Pada 2022, 52 peratus hasil kerajaan datang daripada cukai langsung, 19 peratus daripada hasil cukai tidak langsung dan baki 29 peratus datang daripada hasil bukan cukai.

Terdapat beberapa pilihan kerajaan boleh laksanakan untuk mengukuhkan hasil negara antaranya mengurangkan perbelanjaan mengurus kerajaan.

Apa yang sedang dilaksanakan kerajaan adalah cuba mengurangkan bayaran pencen kepada pesara kerajaan. Namun tindakan ini tidak akan membantu kerajaan, sebaliknya akan meningkatkan suhu politik semasa. Kerajaan juga cuba meningkatkan kutipan cukai tidak langsung dengan memperkenalkan lebih banyak cukai baharu dan menaikkan kadar cukai. Namun SST tidak berkesan meningkatkan hasil kerajaan secara signifikan, sebaliknya GST adalah pilihan terbaik.

Kerajaan rancang memperkenalkan subsidi secara bersasar, namun ia sangat sukar dilaksanakan. Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) mungkin boleh membantu menjayakan subsidi bersasar.

Dalam pada itu, kerajaan boleh meningkatkan hasil bukan cukai melalui syarikat di bawah pengurusan kerajaan dengan mengurangkan pertindihan tugas dan meningkatkan produktiviti.

Apa yang penting, kerajaan perlu merancang strategi cukai optimum dengan mengambil kira faktor seperti kecekapan, kesaksamaan, kemudahan pentadbiran serta impak terhadap ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

Pelaksanaan sistem percukaian adil dan cekap memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan kutipan hasil untuk memacu pembangunan negara, di samping mengekalkan kuasa beli dan tahap kehidupan rakyat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH